

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 27.3.2017

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan SMK Limbang dan SK Tanjong yang telah pun diluluskan peruntukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Limbang telah ditender secara tender terbuka pada 9 Februari 2017 dan dijangka pelantikan kontraktor akan dibuat pada bulan April 2017. Sementara projek pembinaan SK Tanjong, Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor dipilih pada 28 Februari 2017.

RJM75